



06 AUG, 2025

## Petronas, TNB kekal unggul



Harian Metro, Malaysia

### Petronas, TNB kekal unggul

Kuala Lumpur: Petronas dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) mengekalkan kedudukan sebagai jenama utama Asean dalam sektor minyak dan gas (O&G) serta utiliti.

Menurut laporan Energy 100 2025 oleh Brand Finance, Petronas diiktiraf sebagai jenama yang dipercayai dan menawarkan nilai baik - mengukuhkan peranannya sebagai pemain utama landskap tenaga global.

Laporan itu menyatakan bahawa Petronas kekal sebagai jenama O&G ketiga terkuat di dunia, dengan skor Indeks Kekuatan Jenama (BSI) sebanyak 83.7 daripada 100 dan penarafan AAA-.

Di belakang Petronas dalam kedudukan serantau ialah syarikat dari Thailand, PTT Public Company Ltd, yang mencatatkan peningkatan nilai jenama sebanyak 11 peratus kepada AS\$9.2 bilion, manakala jenama Indonesia, Pertamina, mengalami penurunan nilai jenama sebanyak 15 peratus kepada AS\$3.8 bilion.